

30/09/1998

Pindaan akta yakinkan pasaran

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad semalam membentangkan Rang Undang-Undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1998 bagi memastikan ketelusan dalam urus niaga sekuriti dalam usaha mengembalikan semula keyakinan pelabur terhadap pasaran saham negara.

Menurut Perdana Menteri, cadangan pindaan pada akta itu perlu bagi menyokong tindakan secara pentadbiran yang sudah diambil oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Securities Clearing Automated Network Services (SCANS) dan Depositori Pusat Malaysia (MCD).

Pindaan itu merangkumi 28 fasal, termasuk takrif baru, larangan pengeluaran sekuriti, deposit mandatori bagi sekuriti ditetapkan, larangan bagi nominee memegang dan berniaga sekuriti, larangan ke atas urus niaga luar pasaran serta meningkatkan keupayaan penguatkuasaan Suruhanjaya Sekuriti (S) dan Depositori Pusat, iaitu;

- * Tarif baru `nominee diberi kuasa' (authorised nominee) dan `pemiliki berkepentingan' diperkenalkan melalui fasal dua bagi memberi kesan ke atas kehendak undang-undang bahawa semua pegangan saham serta perniagaan sekuriti mestilah dibuat atas pemilik berkepentingan sebagai orang yang diberi kuasa;

- * Dari segi larangan pengeluaran sekuriti, pindaan akta itu antara lain melarang semua pengeluaran sekuriti sudah dideposit daripada depositori pusat (tertakluk kepada beberapa pengecualian), sekali gus membekukan sepenuhnya sekuriti itu dalam depositori pusat serta menghalang penggunaan skrip untuk pasaran tidak diiktiraf;

- * Penetapan deposit mandatori bagi sekuriti pula menghendaki semua sekuriti mesti didepositkan dengan depositori pusat dan jika pendeposit gagal berbuat demikian dalam tempoh tertentu, sekuriti itu akan dipindahkan kepada Kementerian Kewangan, dengan suatu tempoh selama enam bulan diberikan untuk rayuan;

- * Larangan bagi nominee memegang dan berniaga sekuriti bermakna apabila akaun sekuriti dibuka (atas nama pemilik berkepentingan atau nominee), satu pengisytiharan perlu dibuat oleh orang yang membuka akaun kepada depositori pusat;

- * Larangan ke atas urus niaga luar pasaran bermakna semua urus niaga luar pasaran lain adalah tidak sah dan catatan tidak boleh dibuat dalam akaun sekuriti; dan

- * Meningkatkan keupayaan penguatkuasaan Suruhanjaya Sekuriti (Sc) dan Depositori Pusat iaitu menambah keadaan yang mana sesuatu sekuriti boleh digantung.

Menjelaskan rasional pindaan rang undang-undang itu, Dr Mahathir berkata ia selaras dengan matlamat Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) dan keperluan untuk mengembalikan keyakinan terhadap pasaran dan dengan itu, tindakan secara pentadbiran serta undang-undang perlu diambil segera.

Menurutnya, krisis ekonomi menunjukkan pelbagai kelemahan dan kekurangan dalam industri sekuriti yang memerlukan langkah untuk mengatasinya bagi memulihkan kembali keyakinan terhadap pasaran modal di Malaysia.

(END)